

24/09/2004

Bersyukur anak menang

TUN Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, bersyukur dengan kemenangan yang dicapai anak lelaki mereka, Datuk Mukhriz Mahathir, yang memperoleh undi tertinggi dalam pemilihan Exco Pergerakan Pemuda Umno, kelmarin.

Bekas Presiden Umno itu yang ditemui selepas menghadiri majlis perasmian Perhimpunan Agung Umno ke-55, semalam, berkata: "Saya bersyukur orang pilih dia... tetapi bukan kerana saya.

"Saya tak nak dia bertanding ketika saya menjadi Perdana Menteri, takut orang kata kerana saya. Tetapi yang ini dia sendiri, kalau orang nak pilih dia Alhamdulillah, saya bersyukur."

Mukhriz kelmarin mendapat 694 undi, yang tertinggi di kalangan 58 calon yang bertanding.

Siti Hasmah pula berkata: "Syukur atas kemenangan itu, dah rezeki dia."

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada barisan Exco Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri Umno, sama ada muka baru atau lama yang memenangi pemilihan kelmarin.

(END)